

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Manusia zaman berzaman dari berbagai-bagai budaya dan anutan kepercayaan telah mendampingi sejarah atas pelbagai alasan dan untuk pelbagai tujuan. Naluri semulajadi manusia adalah untuk mengetahui masa lalu dirinya. Masa lepas menjadi gambaran untuk mengenali diri sendiri, di samping melahirkan perasaan bangga dan mewujudkan keyakinan diri. Justru, karya-karya sejarah telah dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan cara. Penghasilan karya-karya itu seterusnya menambahkan lagi kesedaran terhadap kepentingan sejarah. Akibatnya, timbul usaha-usaha untuk menjadikan sejarah sebagai satu cabang ilmu yang perlu dipelajari dan dihayati.

Kesedaran terhadap sejarah semakin meluas dan mendalam terutama sekali apabila sesuatu peradaban itu telah mencapai kemantapan atau kegemilangannya. Ilmu sejarah menjadi semakin unggul dan diperlukan selari dengan kewujudan tamadun, seperti yang berlaku dalam peradaban Islam, peradaban Barat dan peradaban Timur Jauh. Timbulnya kesedaran atau usaha untuk mengkaji dan menulis sejarah, umumnya didorong oleh beberapa faktor. Pertamanya, para sejarawan menulis kerana menuruti perintah atau arahan raja ataupun pembesar-pembesar negeri. Keduanya ialah atas dasar minat dan kesedarannya sendiri untuk mengkaji sesuatu peristiwa yang dirasakan penting. Ketiga, bagi memenuhi tuntutan atau komitmen keagamaan. Keempat, bermaksud menghasilkan kajian-kajian ilmiah tentang organisasi politik dan sosial

masyarakat manusia, dan kelima, untuk memberi penilaian dan pengajaran moral kepada generasi kemudian.

Bagi faktor pertama dan kedua, contoh boleh diambil dari hasil-hasil penulisan sejarawan Yunani seperti Herodotus, Thucydides dan Polybius yang mengkaji dan menulis sesuatu peristiwa atas rasa minat dan kesedaran mereka untuk memahami sendiri sesuatu peristiwa. Penulisan mereka juga mempunyai motif untuk melaksanakan titah perintah dan menyukarkan hati raja atau pemerintah. Oleh itu, penulisan sejarah boleh bersifat subjektif, iaitu berkecenderungan memihak dan menyanjung sesuatu golongan, khususnya golongan raja. Di samping itu, ia juga bertujuan mengingat atau mengajar generasi akan datang melalui pemerihalan peristiwa sejarah.

Herodotus bercita-cita menghasilkan bentuk penulisan sejarah yang berteraskan fakta. Dalam usahanya, beliau telah mengembara untuk mendapatkan bahan penyelidikannya. Apa yang diperhatikan melalui pengembaraan dan penyelidikannya telah dicatatkan. Walaupun beliau pernah dianggap sebagai penipu yang romantis, kesungguhannya menjalankan penyelidikan menyebabkan beliau diangkat sebagai bapa sejarah.

Terdapat tiga motif utama bagi pensejarahan Herodotus dalam buku berjudul *The Historians of Greece and Rome* sebagaimana yang disebut oleh Stephen Usher. Pertamanya, untuk mengabadikan catatan mengenai tindakan manusia. Keduanya, untuk mengagungkan tindakan-tindakan itu, sama ada tindakan tersebut dihasilkan oleh orang Yunani atau orang biadab (Parsi). Ketiganya, untuk memenuhi minat saintifiknya

yang ingin mencari sebab berlakunya pertelaghanan berpanjangan di antara kedua-dua peradaban ternama (Yunani dan Parsi) yang berhampiran kedudukannya.¹

Thucydides, seorang sejarawan Athens, telah menulis mengenai Perang Peloponesia sebaik sahaja ia meletus kerana ia dianggap sebuah peristiwa besar yang wajar di abadikan. Beliau juga bercita-cita menghasilkan sebuah hasil pensejarahan yang diharap lebih baik dari karya-karya Herodotus, iaitu tentang sebuah peperangan yang dikenali sebagai paling besar pernah berlaku, dan juga memperlihatkan kebenaran sejarah dengan setepat-tepatnya.²

Apa yang penting di sini ialah Thucydides tidak menceritakan peristiwa peperangan tersebut mengikut tanggapannya semata-mata, tetapi berdasarkan apa yang dilihatnya sendiri dan juga dipelajarinya dari orang lain, dan yang diselidikinya secara khusus dan berhati-hati. Karya Thucydides merupakan suatu hasil pensejarahan yang sungguh gemilang dari segi penerangan terhadap sebab-sebab berlakunya peperangan Peloponesia, dan para sejarawan yang terkemudian, secara umumnya, menerima hasil penulisan Thucydides itu sebagai sesuatu yang amat berharga dari segi sejarah.³

Seterusnya, sehubungan faktor ketiga, dapat diambil sebagai contoh seorang tokoh sejarawan Kristian dari Hippo bernama St. Augustine, yang telah menghasilkan karya penulisan demi memenuhi tuntutan keagamaannya. Beliau menulis surat-surat, khutbah-khutbah teologi dan falsafah keagamaan, serta menjelaskan penentangan terhadap ajaran Manichees, Donatist dan Pelagian yang dianggap musuh agamanya, demi mempertahankan agamanya dari '*cemaran-cemaran dan tohmahan-tohmahan*

orang jahil'.

St. Augustine telah menghasilkan karya yang tergolong dalam kesusasteraan sejarah berbentuk keagamaan. Misalnya, karya beliau yang berjudul *The Confession* mengandungi riwayat hidupnya sejak kecil yang dikatakan banyak melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan hukum-hukum agama. Atas kesedaran itulah beliau mahu menebus dosa-dosanya melalui perjalannya mencari kebenaran yang berakhir dengan beliau memeluk agama Kristian. Begitu juga dengan karyanya yang berjudul *De Civitas Dei* (The City of God), yang dianggap umum sebagai suatu karya sejarah yang perlu diberi perhatian kerana ia telah kemudiannya membentuk sikap orang Eropah disepanjang kurun tersebut.

Persoalan atau faktor keempat, dapat dilihat dalam perkembangan tamadun Islam. Penulisan karya sejarah pada awalnya yang lebih berbentuk pengetahuan, iaitu berkaitan ilmu kesusasteraan. Salah satu karya yang amat penting dan dijadikan sumber rujukan adalah *Al-Ayyam* (Cerita-Cerita Perang). Karya ini menceritakan tentang kegiatan yang dilakukan oleh orang Arab pada zaman Jahiliah yang dipersembahkan melalui puisi-puisi, bertujuan menghiburkan hati pendengar. Walaupun *Al-Ayyam* tidak dirancang untuk menghasilkan bahan sejarah tetapi pengaruhnya jelas dalam bidang penulisan sejarah. Ramai ahli sejarah Islam keturunan Arab seperti Abu Ubaidullah dan Ibn Qutaibah terpengaruh dengan sumber *Al-Ayyam*.

Peristiwa peperangan Salib juga mengundang para intelek Islam untuk membangunkan semula tamadun dan semangat jihad melalui penulisan sejarah.

Contohnya, kegiatan tokoh sejarawan Islam, iaitu Ibn Khaldun yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi serta peka dengan makna dan pengertian sejarah. Kemerosotan kuasa politik Islam juga menambah semangat beliau untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam tentang erti dan maksud tamadun berdasarkan apa yang berlaku dalam sejarah manusia. Semangat ini tersalur dalam karya beliau yang teragung, iaitu *Muqaddimah*.

Muqaddimah oleh Ibn Khaldun merupakan sebuah ensiklopedia sintesis mengenai metodologi sains kebudayaan yang sangat penting dan ia boleh membantu ahli sejarah untuk menghasilkan kajian-kajian yang bernalas lagi ilmiah. *Muqaddimah* dianggap sebagai suatu sumbangan agung dalam bidang pencejarahan dan ia juga merupakan percubaan paling awal yang pernah dilakukan oleh ahli sejarah bagi memahami pola perubahan yang berlaku pada organisasi politik dan sosial manusia.

Ibn Khaldun melihat sejarah sebagai sesuatu yang terdiri dari dua kualiti, zahir dan batin manusia. Sejarah pada zahirnya tidak lebih dari berita-berita perang, peristiwa-peristiwa yang telah lalu, jatuh bangun sesebuah kerajaan, dan maju mundurnya sesebuah masyarakat. Manakala pada batinnya, sejarah adalah tinjauan dan penyelidikan, serta keterangan mendalam mengenai sesuatu peristiwa dan sebab-musababnya.

Ibn Khaldun menghasilkan *Muqaddimah*, iaitu sebuah karya yang mempunyai ketulenan, keluasan dan kemantapan dari sudut sejarah dan juga tamadun manusia. Penekanan diberi kepada pengkajian, penelitian dan penyelidikan ilmiah. Ibn Khaldun

adalah ahli sejarah Islam pertama mengkaji segala aspek kehidupan sosial orang Islam dan melihat peristiwa-peristiwa sejarah dari perspektif orang Islam.

Sejarawan Cina bernama Ssu-ma Chien memuatkan penilaian moral di akhir setiap bab penulisannya semasa zaman kemaharajaan China. Ssu-ma Chien menyedari bahawa sejarah masa lalu negaranya memang wajar dicatatkan demi kepentingan generasi akan datang. Lebih-lebih lagi di bawah pemerintahan Maharaja Wu Ti, negara China telah mencapai zaman kegemilangannya. Justru, beliau telah menghasilkan penulisan buku sejarah berjudul *Shih Chi* (Catatan-Catatan Seorang Sejarawan). Catatan Ssu-ma Chien menggambarkan keseluruhan negara China sebagai suatu entiti politik zaman Wangsa Han. Sebelum beliau, sudah terdapat karya-karya awal sejak seribu tahun sebelumnya. Ini terbukti dengan amalan melantik "sejarawan istana" semasa zaman kemaharajaan China.

Motif utama penulisan pensejarahan tradisi China adalah untuk membantu mengingati roh-roh nenek moyang. Kebanyakan penulisan seperti ini bukan kajian sejarah sebenar, tetapi lebih merupakan himpunan salasilah raja-raja dan putera-putera mereka dari Wangsa Hsia, Syang dan Chou. Karya *Shih Chi* menjadi model kepada penulisan sejarah *Cheng Shih* atau *Standard Histories* yang dihasilkan secara berterusan hingga akhir zaman kemaharajaan pada 1911 Tahun Masehi. Karya pensejarahannya dianggap menyerupai sebuah ensiklopedia sejarah dengan bahagian-bahagian yang diperihalkan secara menyeluruh dan luas merentasi kira-kira dua ribu tahun, iaitu dari zaman awal hingga beberapa tahun sebelum Ssu-ma Chien meninggal dunia pada tahun 90 Sebelum Masehi.

Di Asia Tenggara, kesedaran sejarah di Indonesia sebagaimana yang tertulis dalam naskah *Amanat Dari Galunggung*, iaitu sebuah naskah Sunda lama yang ditulis oleh Raden Ngabehipurbacaraka, menerangkan bahawa masyarakat Sunda lama telah menyedari kepentingan masa lalu yang menghubungkan mereka dengan masa kini. Hal ini juga ditegaskan oleh Raden Karetinagara dalam *Sejarah Sakapura* (1886) seperti berikut:

" ... Saya adalah seorang pensiunan, namaku Raden Karetinagara alias Abdullah Salleh. Daripada saya duduk menganggur, lebih baik membuat silsilah ini untuk dipakai mengingatkan para anak cucu agar jangan putus hubungan kekeluargaan kerana biasanya yang muda tidak peduli dan mahu menghapalkan keturunan.

*... Tetapi kalau sudah ada dalam bentuk tertulis dan tersimpan di dalam lesnar, kendatipun tidak hapis juga, pasti tak akan sia-sia sebab ada dalam bentuk tertulis itu. Asalkan mau membacanya pasti terjumpai kecuali jika malas, iaitu tak mau membacanya apalagi menulisnya, hal itu tak usah dikatakan lagi." (terjemahan oleh Nina H. Lubis. 2000. *Sejarah Sebagai Alat Pendidikan Bangsa*. hal.3)*

Pemikiran Raden Karetinagara tentang orang yang tidak kenal sejarah itu ibarat anak kecil, ternyata senada dengan apa yang pernah difikirkan oleh Cicero (106-43 SM). Ahli falsafah Rom ini menyatakan bahawa: "... *Seseorang yang tidak mengetahui kejadian-kejadian sebelum ia dilahirkan adalah merupakan orang yang selama hidupnya tetap menjadi anak.*" (Nina Lubis, 2000:3). Dari petikan di atas, pengarang mewakili zamannya menyedari akan perlunya penulisan sejarah untuk menjadi bahan

pelajaran generasi yang akan datang.

Di Nusantara, kesedaran sejarah telah menyebabkan terhasilnya karya-karya agung seperti *Sulalatus Salatin* oleh Tun Sri Lanang, *Salasilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Raja-Raja* dan *Tuhfat al-Nafis* oleh Raja Ali Haji. Tun Sri Lanang, iaitu pengarang pensejarahan tradisi terkenal yang menghasilkan karya berjudul *Sulalatus Salatin*, telah menyalin semula naskah asal versi pertama yang ditulis pada Zaman Empayar Melayu Melaka sebelum ia jatuh ke tangan Portugis pada 1511 Tahun Masehi. *Sulalatus Salatin* menjadi asas pensejarahan Melayu tradisi sejak kurun ke-17 Masehi. Tun Sri Lanang menulis setelah dititahkan untuk memperbaiki sebuah hikayat Melayu yang dibawa dari Goa. Justru, menurut A. Samad Ahmad (1979:2) tujuan penulisan beliau dianggap semata-mata untuk "menyukakan duli hadrat baginda". Manakala 'baginda' itu mempunyai motif supaya "diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingat oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya". Walaupun *Sulalatus Salatin* mempunyai unsur-unsur dongeng, legenda dan kesusasteraan, tetapi ia masih mempunyai unsur-unsur sejarah yang bertujuan untuk 'mendaulatkan' raja-raja.

Seorang lagi tokoh pensejarahan Nusantara yang terkenal pada kurun ke-19 Masehi ialah Raja Ali Haji. Beliau adalah seorang pembesar Johor-Riau dan sentiasa berdamping rapat dengan istana, serta mempunyai pengalaman dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Kedudukannya sebagai guru pendidikan Islam dan bahasa membolehkan beliau menghasilkan beberapa penulisan berkaitan dengan sejarah, agama, bahasa dan kesusasteraan. Tujuan penulisan beliau adalah untuk menjadi panduan kepada

saudara-saudara seagamanya. Hasil-hasil karya beliau yang terkenal adalah *Salasilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Raja-Raja* dan *Tuhfat al-Nafis* (Hadiah Yang Berharga). Kedua-duanya merupakan karya beliau yang mempunyai unsur-unsur sejarah yang mengandungi ciri-ciri kesusasteraan, terutamanya berkaitan dengan sejarah empayar Johor-Riau. *Tuhfat al-Nafis* ditulis dengan tujuan untuk menerangkan peristiwa-peristiwa masa lalu orang Melayu umumnya, dan orang Bugis khasnya, terutamanya yang berkaitan dengan keadaan dan perjalanan yang berlaku disekitar empayar Johor-Riau.

Seterusnya, kegiatan penulisan sejarah Tanah Melayu telah berkembang dengan lebih giat sejak kurun ke-19 berikutan pembabitan pegawai-pegawai Inggeris, seperti Wilkinson dan Winstedt. Karya-karya sejarah yang dihasilkan kemudianya menjadi asas penulisan buku-buku teks untuk murid sekolah Melayu. Pensejarahan Melayu baru yang bermula pada kurun ke-20 adalah hasil dari perubahan masyarakat di Tanah Melayu. Pentadbiran British dan kemasukan pendatang asing mempengaruhi pandangan sejarawan Melayu.

Seterusnya, di Malaysia, dekad 1960an dan 1970an telah bermulanya satu tahap baru dalam penulisan sejarah tanahair apabila jabatan sejarah di beberapa buah universiti, khususnya Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia, menghasilkan karya-karya akademik yang dapat di banggakan. Banyak seminar akademik diadakan bagi membincangkan secara terperinci dan kritis tentang pensejarahan Malaysia. Penulisan sejarah Malaysia secara akademik dalam Bahasa Malaysia di peringkat universiti bermula pada tahun 1968, berikutan kemasukan

mahasiswa Melayu ke universiti pada tahun 1965.

1.1 Pengertian Sejarah

Sesungguhnya "Sejarah" telah diberi berbagai takrifan, tetapi pada dasarnya ia merujuk kepada penilaian masa lepas. Herodotus, tokoh sejarawan Yunani menyebut bahawa sejarah bermaksud menyiasat (to inquire) masa lalu berlandaskan bukti-bukti. Sementara penyiasatan ini melibatkan "historie" dan "historia" yang bererti pengendalian secara naratif pembinaan masa lalu.

Beberapa tokoh sejarawan moden mempunyai pandangan yang sama dengan Herodotus mengenai pengertian sejarah ini, dan mereka termasuklah Caldwell (1965), Collingwood (1966), Suntharalingam (1975), Marwick (1985), dan Carr (1988).

Mentafsir sejarah sebagai peristiwa yang pernah berlaku pada masa lalu dan juga ingatan yang tercatat tentang masa lalu itu. Masa lampau yang dikaji oleh ahli sejarah bukanlah suatu masa lampau yang telah tamat, tetapi suatu masa lampau yang dari beberapa segi masih hidup pada masa kini. Justru, sejarah adalah pembentukan semula dalam fikiran ahli sejarah tentang pemikiran lepas yang sedang dikajinya.⁴

Sejarah boleh dianggap bersifat saintifik apabila ia menyatakan sesuatu dan menceritakan apa yang diketahui. Mengikut pengertian ini, dunia adalah humanistik kerana menyoal tentang perkara yang telah dilakukan oleh manusia pada masa lalu. Sejarah adalah pemberi maklumat tentang siapa sebenarnya manusia dan menceritakan

perlakuan pada masa lalu. Semua sejarah adalah sejarah pemikiran dan semua kisah sejarah adalah pementasan kembali pemikiran pemikiran masa lampau di dalam akal fikiran sejarawan.⁵

Sejarah sebagai 'ilmu yang mencakupi' semua hal. Di sini, sejarah sebagai masa lalu dertiakan sebagai mengandungi semua kejadian, peristiwa dan pengalaman masa lalu, samada kejadian itu merupakan kumpulan kejadian ataupun kejadian yang berasingan. Jelasnya, ia berupa semua pengalaman, tingkahlaku, kejadian serta peristiwa dalam kehidupan individu, pemimpin sesebuah institusi, pertubuhan, negara maupun masyarakat, yang tergolong dalam lingkungan masa lalu.⁶

Pengertian sejarah dapat dibahagikan kepada tiga tahap. Tahap pertama merujuk kepada keseluruhan masa lalu manusia seperti yang sebenarnya berlaku. Tahap kedua merujuk kepada percubaan manusia mengurai dan mentafsir masa lalu. Tahap ketiga pula merujuk kepada kajian yang sistematik terhadap masa lalu atau sebagai satu disiplin ilmu pengetahuan.⁷

Sejarah juga boleh ditafsirkan sebagai suatu proses interaksi berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, yakni suatu dialog yang tidak berkesudahan di antara masa kini dengan masa lampau. Oleh itu, jelasnya, sejarah adalah sebenarnya lebih kepada suatu proses melihat kembali masa lalu melalui kacamata masa kini dan seterusnya menilai peristiwa atau masalah sejarah tersebut. Pertalian di antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya adalah pada taraf persamaan, iaitu memberi dan juga menerima. Ahli sejarah tanpa fakta-faktanya adalah dianggap tidak berpendirian dan

tidak berguna, malah fakta-fakta tanpa ahli sejarahnya adalah dianggap fakta-fakta yang mati dan tidak membawa apa-apa makna.⁸

Di Tanah Melayu, konsep sejarah sebagai satu bidang ilmu tidak wujud pada zaman dahulu. Terdapat dua hujah yang menyokong kenyataan tersebut. Pertama, tiada satupun istilah dalam perbendaharaan kata Melayu lama yang membawa konsep "history" sebagai pengertiannya sekarang. Sejarah pada zaman itu berasaskan kepada tulisan-tulisan yang merangkumi hikayat, salasilah dan syair. Kedua, sejarah Melayu lama menggabungkan fakta-fakta dengan mitos dan legenda. Contohnya, Sejarah Melayu dan Hikayat Merong Mahawangsa. Fungsi utama pensejarahan adalah untuk merakamkan peristiwa dengan setepat mungkin tetapi apa yang lebih penting adalah untuk menunjukkan kesahihan kedudukan kerabat diraja serta mengukuhkan tradisi sosio-politik yang perlu dipatuhi oleh masyarakat.⁹

1.1.1 Kepentingan Sejarah

Dari pengertian sejarah, ternyata ia adalah sesuatu yang berguna, penting dan sentiasa relevan. Ia ternyata mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menentu dan meneruskan kesinambungan serta perkembangan tamadun manusia. Collingwood (1968:34) menegaskan bahawa "... seseorang insan itu tertarik pada masa lalu kerana kehidupan yang pernah dilaluinya membantunya mengenali dirinya, dalam ertikata ia boleh mengetahui kesukaannya, egonya, kebencianya malah mitosnya ...". Menurut Marwick (1985:40) pula, "... masyarakat manusia memang memerlukan sejarah. Masyarakat kita yang canggih memerlukan sejarah kerana kita semua sentiasa

memandang kepada sejarah untuk membuat pengadilan."

Sejarah menjadi lebih penting apabila ia dipersepsikan sedemikian oleh kepimpinan politik sesebuah negara. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad pernah menjelaskan keperluan sejarah ini dalam sebuah ucapan beliau ketika merasmikan memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 7hb. Julai, 1992, berbunyi:

"... keagungan sesuatu bangsa itu ditentukan oleh kepentingan yang diberikan pada sejarah. Sejarah merupakan suatu khazanah yang amat bernilai. Sejarah adalah gedung pengalaman. Bangsa yang agung adalah bangsa yang menempah sejarah dan yang mahu mempelajari daripada sejarah. Sesuatu bangsa yang tidak mempelajari daripada sejarah akan terus melakukan kesalahan berkali-kali yang akan berakhir dengan keruntuhan bangsa itu. Daripada sejarah kita menghargai kerhormatan diri kita. Daripada sejarah juga kita dapat menginsafi kedudukan kita di dalam sejarah kemanusiaan dan alam semesta. Sejarah akan memberi kita tenaga dan landasan di dalam menempa dan membentuk tamadun baru. ... " (Arkib Negara, 1992)

Manusia dan masyarakat bersifat dinamik, berubah dan berkembang. Pengetahuan sejarah lampau memberi arah tentang sesuatu masa depan yang lebih cerah. Menurut Shafer (1969:21), "*... if each generation had really to make its world anew, creating from nothing all its patterns of behavior, all its means of livelihood, all its political and social institutions, mankind could do little more than struggle to keep alive. One of the great advantages of being human is that we inherit all these aspects of culture. Each generation lives only a thin accretion on the huge reef of humanity's experience ...*".

Sejarah dijadikan wadah yang menjadi latar belakang pembangunan dan

kemajuan manusia. Manusia itu sendiri terbina melalui proses sejarah untuk mencapai satu destinasi bagi mencipta masa depan yang cemerlang. Dari pengalaman dan ikhtibar sejarah, manusia mendapat ilham, membuat perbandingan, menilai serta mengkritik masa lampau untuk diadun bagi mencerna sebuah kehidupan lebih sempurna pada masa depan.

Melalui sejarah, kita mampu membina persepsi dan keupayaan bagi menilai dan mengenalpasti trend-trend utama sesuatu peristiwa, politik, institusi dan negara. Pemahaman sejarah menyedarkan manusia terhadap wujudnya kesinambungan peristiwa masa lampau, masa kini dan membantu meramal masa depan. Seperti yang ditegaskan oleh Abdul Rahim Abdul Rashid (1999:23), "*...Pengetahuan sejarah adalah amat penting kerana merangkumi bidang yang amat luas termasuklah bidang falsafah, kemanusiaan, nilai-nilai moral, budaya, perkembangan tamadun, politik bangsa dan negara.*"

Hakikatnya, dunia ini sentiasa berubah dan berkembang pesat. Manakala masa depan adalah menjadi matlamat setiap insan. Corak hidup masa depan akan menjadi semakin rumit. Kesan daripada itu, sesebuah masyarakat perlu memahami trend utama perubahan supaya dapat memahami perubahan dan aliran tamadun dunia. Sejarah lampau amat perlu dikuasai dan dihayati kerana masa lalu, masa kini dan masa depan saling berkaitan serta mempengaruhi antara satu sama lain. Pengetahuan ini akan menentukan segala tindakan, keputusan dan peristiwa yang berlaku. Justru, sejarah adalah kayu ukur yang amat bernilai bagi menimbulkan kesedaran dan keinsafan, atas dasar rasa bimbang dan takut berulangnya sesuatu peristiwa itu. Malah, sejarah menjadi

petunjuk kepada jatuh bangun sesebuah negara.

1.2 Pendidikan Sejarah

Oleh kerana sejarah itu penting dan berfungsi, kesedaran berhubungnya dipanjangkan dan diterapkan kepada generasi seterusnya menerusi proses pendidikan. Pendidikan sejarah merupakan saluran utama ke arah penghayatan dan pemahaman sejarah.

Sejarah adalah satu proses pelbagai sebab-akibat yang kompleks yang memerlukan pemahaman yang sistematis. Perjalannya ditentukan bukan sahaja oleh peristiwa-peristiwa politik tetapi juga oleh aliran dan kesan ide-ide manusia sepanjang zaman berzaman. Justru, bagaimana sejarah itu dipersembahkan dan diinterpretasikan, terutamanya di dalam organisasi atau institusi pendidikan (salah satu jentera kawalan sosial yang paling berpengaruh) adalah amat penting. Pendidikan sejarah menjadi saluran berkesan bagi penyebaran ideologi, termasuk penyaluran nasionalisme dalam pembentukan sesebuah negara.¹⁰

Pendidikan sejarah menjadi satu proses pembinaan bangsa bagi memantapkan lagi kesinambungan perjuangan kebangsaan. Pendidikan sejarah menjadi teras kepada pendidikan kewarganegaraan. Oleh itu, ia perlu dipelajari, difahami dan dihayati secara berkesan oleh setiap warganegara. Mempelajari sejarah bukan sahaja untuk memperolehi ilmu pengetahuan tentang masa lampau, tetapi lebih penting lagi ialah untuk menyebar pengetahuan lampau itu bagi dijadikan pedoman kepada generasi kini.

Pada tahun 1977, UNESCO (dalam Mohd. Jaffar Rais, 1998) menekankan enam objektif utama pengajaran dan pembelajaran sejarah, iaitu (i). memperoleh pengetahuan (maklumat-maklumat yang meliputi istilah-istilah, konsep-konsep, fakta, peristiwa, simbol-simbol, ide-ide, masalah, trend, personaliti, kronologi, generalisasi dan lain-lain; (ii). membolehkan pelajar mengembangkan pemahaman mengenai pengetahuan tersebut; (iii). mengembangkan pemikiran kritis dan kreatif pelajar; (iv). meningkatkan kemahiran; (v). memupuk minat belajar pada sejarah, dan (vi). mengembangkan sikap sosial yang sihat.

Ternyata, anggapan sejarah sebagai mata pelajaran '*dead past*' sudah tidak relevan dengan keadaan semasa. Tujuan pendidikan sejarah perlu dikembangkan kepada menerangkan hubungannya dengan keadaan sekarang, meningkatkan pemahaman terhadap masalah semasa dan mengapresasikan warisan budaya dalam tamadun manusia. Oleh itu, sejarah dijadikan mata pelajaran yang membantu pelajar membuat sintesis antara peristiwa lampau dengan masa kini, menilai situasi semasa, berfikir secara kritikal, menghargai tamadun manusia serta mempelajari dan mengamalkan hak dan tanggungjawab diri dalam proses demokrasi.¹¹

1.2.1 Kepentingan Pendidikan Sejarah

Sejarah adalah satu mata pelajaran yang mengandungi nilai-nilai kemanusiaan serta perkembangan masyarakat. Sejarah sebagaimana yang ditekankan oleh E. H. Carr (1961:55) ialah " ... *To enable man to understand the society of the past, and to increase his mastery over the society of the present.*"

Sehubungan itu, pendidikan Sejarah membolehkan pelajar memahami masyarakat lampau supaya mereka dapat meningkatkan kefahaman terhadap masyarakat masa kini. Pelajar yang tidak memahami masa lampau tidak akan dapat mengatasi kepincangan yang berlaku pada masa kini. Tanpa Sejarah, pelajar tidak akan mengetahui tentang asal-usul mereka, malah mereka tidak dapat mengenal identiti mereka.

Secara lebih terperinci, terdapat empat peranan pendidikan Sejarah. Pertama, sejarah sebagai sebahagian dari proses sosialisasi yang mewarisi nilai-nilai tertentu serta ingatan bersama dari masa lampau. Ia mampu memberi identiti sesebuah masyarakat. Pendidikan Sejarah membekalkan pengetahuan, kefahaman dan intelek berhubung masyarakat yang diwarisi kepada generasi kini. Keduanya, sejarah sebagai '*leisure*', iaitu sebagai bacaan masa lapang yang memanfaatkan serta membantu mengelakkan berlaku masalah sosial yang tidak diingini. Ketiganya, sejarah sebagai satu keperluan yang berperanan membantu mengurangkan pertelingkahan yang wujud dengan merujuk kepada sejarah. Akhirnya, sejarah menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas, memberi kefahaman tentang dunia, dan berfikir secara kritis.¹²

Pendidikan Sejarah juga membantu pelajar meluaskan dimensi hidup. Ia membentuk suatu budaya yang tersendiri. Pelajar dapat mempelajari nilai-nilai hidup seperti rasa bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara. Mata pelajaran Sejarah digunakan oleh negara dalam pembinaan negara. Misalnya, Negara China menekankan Sejarah dalam pemerintahan dan pemupukan nilai-nilai etika. Menurut Krug (1967:7), "*... History was for the Chinese not only a chronicle of the past but a means of teaching*

good government and of inculcating ethical values. The past was a guide for the future and was consulted with great regularity, especially by the Emperors."

Kurikulum sesuatu mata pelajaran, khasnya mata pelajaran Sejarah, perlu dibentuk dan dirangka berasaskan matlamat dan objektif pembelajaran yang luas. Ia perlu selaras dengan objektif pendidikan yang menekankan objektif kognitif. Kurilulum pengajaran dan pembelajaran Sejarah memberi penekanan kepada perkembangan afektif, sosial dan peribadi.

Penekanan bidang kognitif (ingatan dan taakulan) melibatkan proses perkembangan mental yang kompleks. Kemahiran kognitif ini melibatkan penguasaan pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan pemikiran. Melalui proses kognitif ini, pelajar-pelajar dapat mengembangkan pemikiran pelajaran Sejarah secara berkesan dalam kehidupan mereka. Perkembangan afektif pula melibatkan perkembangan emosi, perubahan sikap, nilai, tingkahlaku dan sahsiah individu, iaitu mengukuhkan lagi kualiti peribadil dan sosial untuk menjadi warganegara yang seimbang dan produktif. Justru, Sejarah memberi iktibar dan mampu memandu seseorang individu kearah memahami perkembangan masa lampau yang mencorakkan masa kini dan masa depan.

Di negara Barat, Sejarah telah sekian lama dianggap sebagai satu disiplin pengajaran di dalam sistem pendidikan. Di Amerika Syarikat, pengajaran Sejarah mencerminkan perubahan corak pemikiran yang penting sepanjang perkembangan sistem pendidikan di negara itu. Sekiranya corak pemikiran pada sesuatu masa itu ialah

patriotism (*patriotisme*), maka aktiviti pengajaran Sejarah di sekolah-sekolah juga akan menjurus ke arah pemupukan aspek ini. Begitu juga apabila corak pemikiran masyarakat dan negara menjurus ke arah *world understanding* (*pemahaman dunia*), maka idea ini akan diberi penekanan lebih di dalam kurikulum pelajaran peringkat *elementary* (sekolah rendah) di negara tersebut.¹³

Merujuk kepada rangka dan susunan organisasi kurikulum Sejarah itu pula, sekiranya penekanan adalah terhadap konsep *inter-disciplinary* (pelbagai disiplin) dan *integrative* (integrasi) ilmu, maka hasilnya adalah satu bentuk sukanan yang menggabung jalinan beberapa bentuk pengajian ke dalam satu mata pelajaran yang di namakan Pengajian Sosial ataupun Sains Sosial. Lazimnya, istilah Sains Sosial digunakan di peringkat sekolah rendah bagi merujuk kepada mata pelajaran pelbagai disiplin ini (termasuk sejarah) di Amerika Syarikat.

Komponen Sejarah Amerika adalah satu keperluan kursus yang wajib di seluruh Amerika Syarikat. Ia dimaktubkan dalam undang-undang negeri sebagai keperluan asas bagi melatih rakyatnya menjadi warganegara yang berilmu pengetahuan. Di peringkat sekolah, ia diajar selama setahun di peringkat *junior year* atau gred sebelas (peringkat menengah atas) dan merupakan peringkat terakhir bagi seseorang pelajar didedahkan kepada pengajaran Sejarah sebelum dia melanjutkan pelajaran ke kolej atau institusi pengajian tinggi.¹⁴

Penggunaan buku teks amat ditekankan dalam proses pengajaran Sejarah dalam sistem pendidikan di Amerika Syarikat. Buku teks yang dipilih akan dijadikan saluran

perhubungan di antara guru sejarah dengan pelajar-pelajarnya. Buku teks ini dianggap sebagai "... *the authority and the complete encyclopedia of American experience.*" (Koller, 1967:22). Organisasi isi kandungannya disusun mengikut teknik kronologi, dengan penekanan diberi kepada garisan masa, urutan peristiwa, tarikh, zaman, revolusi dan evolusi. Kandungan Sejarah Amerika di peringkat sekolah tinggi (high school) biasanya di bahagikan kepada sub-topik atau topik-topik kecil yang di olahkan di bawah satu tema atau topik utama. Antara contoh seperti "The Colonial", "The War Between the States", "Westward Expansion", dan "Industrialization".

Mata pelajaran Sejarah Amerika mula diperkenalkan dalam kurikulum di kolej-kolej selepas berakhirnya Perang Saudara (Civil War) pada pertengahan abad ke-19, dan ia mula diajar secara meluas di kolej-kolej dan universiti-universiti seluruh Amerika Syarikat pada tahun 1880an. Selaras dengan perkembangan ini, maka lebih ramai ahli sejarah dihasilkan. Mereka ini kemudiannya menulis pelbagai buku mengenai pengajian dan pengajaran Sejarah. Antara buku-buku yang penting ialah *Methods of Historical Study* (1884) oleh Herbert Baxter Adam, *Methods of Teaching History* (1897) disunting oleh G. Stanley Hall, *Method in History* (1897) oleh William H. Mace, dan *Teaching of History* (1915) yang ditulis oleh Henry Johnson.¹⁵

Pada tahun 1962, Persatuan Sejarah Amerika telah menerbitkan laporan mengenai perkembangan pendidikan sejarawan peringkat siswazah di Amerika Syarikat. Laporan ini mendapati bahawa kursus pengenalan bagi Sejarah Amerika adalah diwajibkan ke atas pelajar-pelajar major di kolej-kolej. Ia seterusnya mencadangkan supaya ditingkatkan lagi penawaran kursus-kursus Sejarah di institusi-institusi pengajian

tinggi di seluruh negara. Laporan ini juga menggariskan usaha-usaha yang patut diambil bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran Sejarah, selain daripada syaranan, seperti perbincangan, tinjau-siasat dan seminar. Laporan ini kemudiannya menjadi salah satu asas rujukan bagi pihak-pihak pentadbir dan ahli-ahli akademik dalam menentukan hala tuju pendidikan sejarah di Amerika Syarikat di tahun-tahun yang berikutnya.

Disiplin Sejarah sebagai satu pelajaran di Amerika Syarikat sentiasa mengalami perubahan. Perubahan besar telah berlaku apabila terdapat desakan agar lebih banyak masa diperuntukkan kepada mata pelajaran Sejarah melalui perakuan dalam Laporan *National Commission on Social Studies in the School* (1994). Ini ekoran terdapat ramai pelajar di Amerika Syarikat telah gagal mendapatkan pembelajaran yang bermakna melalui mata pelajaran Sejarah. Seterusnya, satu jawatankuasa, iaitu *Bradley Commission on History in the Schools* telah mencadangkan supaya fokus diberikan kepada pengajaran Sejarah. Selain itu, penubuhan *National Centre for History in the School* di University of California turut membantu sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, serta perlaksanaan kurikulum kajian sosial yang berpusatkan Sejarah.

Di benua Asia secara umumnya, minat yang lebih giat terhadap pengajian dan pendidikan Sejarah bermula seiring dengan pergerakan kebangsaan di negara-negara anggota dan juga keperluan untuk mengekalkan kegembilan tamadun silam. Di India, sejarah kebangsaan muncul terutamanya akibat daripada tindakbalas terhadap sejarah pendudukan British di negara tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh K. M. Panikkar pada tahun 1947 (dalam Barraclough, 1979:122), "...apabila negara India sedar akan

masa lampau ... terdapat permintaan yang meningkat terhadap sejarah India yang akan cuba untuk membentuk semula kisah silam kepada satu bentuk yang akan memberikan gambaran mengenai warisan kita." Pannikar menegaskan sejarah sebenar negara India semasa zaman British " ... tidak hanya berkisar mengenai aktiviti Syarikat Hindia Timur ataupun Kerajaan Diraja British, tetapi seharusnya menyentuh pergolakan yang berakhir dengan perubahan masyarakat India, yang didokong oleh kegiatan-kegiatan anak-anak pribumi negara India itu sendiri."

Pengajian Sejarah di negara Jepun, terutamanya sekitar tahun 1890 dan 1930 adalah berbeza dengan negara-negara lain di Asia yang masih mengagungkan zaman silam. Apabila Jepun menjadi negara industri, ia mula berhadapan dengan tekanan dan keperluan praktikal sebagai sebuah negara industri sepertimana yang berlaku di barat. Keperluan untuk melihat masa lampau makin tidak diutamakan lagi. Sebaliknya, seperti juga dengan sejarawan barat, ahli-ahli sejarah Jepun lebih menumpukan perhatian kepada sejarah ekonomi dan sosial negara, terutamanya persoalan bagaimana langkah modernisasi ekonomi negara Jepun dapat ditafsirkan dan kesan-kesannya terhadap masyarakat Jepun. Justru, pengalaman sejarah dari negara-negara barat adalah lebih relevan berbanding dengan negara-negara benua Asia lain yang kurang membangun sepertinya dan ini diserapkan dalam sistem pendidikan Sejarah Moden di negara itu.¹⁶

Di Asia Tenggara, ahli sejarawan juga berhadapan dengan masalah identiti budaya. Persoalan timbul mengenai maksud sejarah Asia Tenggara. Sebagai tindakbalas terhadap huraian sejarah Asia Tenggara yang rata-rata bersifat 'Eurocentric'

semasa zaman kolonial, para sejarawan mula menekankan kepentingan sejarah Asia Tenggara ditulis dari perspektif dalaman setiap negara anggota itu sendiri secara berasingan dan bukan hanya mengenai hubungannya dengan China, India ataupun Barat.

Menurut Barraclough, (1979:131) masyarakat Asia Tenggara bukan masyarakat yang pasif, tetapi kaya dengan budaya mereka tersendiri, dan sejarah mereka " ... tidak harus dipandang dari perspektif lain melainkan daripada perspektif mereka sendiri." Di negara Indonesia, persoalan pokok yang dibincangkan dan ditekankan oleh para sejarawannya ialah identiti 'bangsa Indonesia' dan bukan persoalan sama ada Asia Tenggara harus dianggap sebagai satu entiti, iaitu satu persoalan yang amat digemari oleh sejarawan barat. Begitu jugalah keadaannya dengan negara-negara lain di Asia Tenggara seperti Burma dan Vietnam.

Presiden Soekarno, yang memerintah semasa zaman kemerdekaannya, amat menyedari akan perlunya menyemai imej keagungan tamadun Indonesia pada zaman silam dikalangan rakyat. Sejurus selepas Indonesia mencapai kemerdekaan, beliau telah menggiatkan lagi penubuhan jabatan dan fakulti pengajian Sejarah di pelbagai institusi pengajian tinggi di negara itu, serta menekankan pengajaran Sejarah Indonesia di sekolah-sekolah.¹⁷ Seterusnya, pengkajian Sejarah Modern Indonesia, khususnya yang diungkapkan oleh Kuntowijoyo (1995), menerangkan bahawa sejarah berfungsi sebagai alat pendidikan moral, alat pendidikan penalaran, alat pendidikan politik, alat pendidikan kebijakan dan alat pendidikan keindahan.¹⁸

Dalam konteks ini, sejarah sebagai alat pendidikan moral memaparkan peristiwa

yang telah terjadi. Ia menggambarkan tentang apa yang benar dan apa yang salah, yang baik dengan yang buruk, bahkan dapat di jelaskan tentang apa itu benci, apa itu cinta, siapa pejuang dan siapa pengkhianat, yang merdeka dan yang terjajah, yang pemberani dan yang penakut dan sebagainya. Sejarah sebagai alat pendidikan penalaran mendidik manusia supaya tidak berfikir secara mono-kausal atau sealiran, iaitu menganggap sesuatu peristiwa terjadi disebabkan oleh satu faktor sahaja. Sementara sejarah sebagai alat pendidikan politik berfungsi membentuk kewarganegaraan bagi setiap warganegara Indonesia. Sejarah sebagai alat pendidikan kebijakan pula mengajar manusia membuat perbandingan mengenai pelaksanaan sesuatu tindakan masa lalu dengan masa kini. Sejarah sebagai alat pendidikan keindahan dapat membangkitkan rasa estetika dalam hati pelajar untuk menghargai peninggalan sejarah. Contohnya seperti bekas runtuhan keratong Surosowan, atau istana Maimoon di Medan yang menggambarkan keindahan aturan tempat tinggal para puteri dan kecantikan puteri-puteri istana.¹⁹

Di Negara Brunei Darussalam, Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang terlibat dalam perubahan dan pembentukan sistem pendidikan negara itu. Kurikulum mata pelajaran Sejarah dikuatkuasakan pada tahun 1984, melalui surat pekeliling Kementerian Brunei Bil. 129/83 (Jabatan Perkembangan Kurikulum Brunei 1988). Menurut surat pekeliling tersebut, matlamat pendidikan Sejarah di Brunei adalah seperti berikut:

"... The study of history constitutes a very important part of education. It has the capacity to build a people's consciousness of itself by way of awareness of its past. History also contributes stimulating examples of the loyalty of our people to his Majesty the Sultan and the Nation, Brunei Darussalam. ... At the same time, the study of history can help to foster power of memory, imagination and communication, as well as an understanding of cause and effect and awareness of other states and people in our region of Southeast Asia."

Rangka ideologi pembentukan kewarganegaraan Brunei adalah berorientasikan kepada konsep Melayu-Islam Beraja. Ideologi ini mendasari matlamat utama pendidikan dan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah Brunei. Unsur-unsur kesetiaan kepada raja, kepercayaan dan keperluan berpegang teguh kepada akidah Islam dan berbangga sebagai bangsa Melayu adalah merupakan wadah dalam pembentukan Melayu-Islam Brunei.²⁰ Pendidikan Sejarah dilaksanakan sebagai agen sosialisasi politik bagi membentuk ciri-ciri kewarganegaraan Brunei yang berteraskan Melayu-Islam Brunei. Menurut Awang Mohd. Jamil Al-Sufri pada tahun 1982 (dalam Mohd. Jaffar Rais, 1998:5) ia adalah,

"... untuk melahirkan semangat bertanggungjawab di kalangan rakyat dan penduduk Brunei memerlukan pengenalan yang sejelas-jelasnya terhadap bangsa dan negara. Oleh sebab itu, ilmu alam, sejarah dan kebudayaan bangsa Brunei perlu diajar dengan cara menyeluruh supaya dapat bangsa kita memahami selok-belok dan kedudukan negara dan bangsanya sendiri."

Sebagai kesimpulannya, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, sejarah ternyata mempunyai sumbangan yang besar dan bermakna dalam pembentukan kewarganegaraan serta berpotensi memberi sumbangan penting kepada kemajuan masa depan sesebuah negara.

Pelajar memahami masa lalu sebagai ikhtibar dan pedoman untuk merancang masa depan. Peristiwa lampau dihayati dan dijadikan panduan untuk menyelesaikan masalah-masalah kehidupan seharian, serta dapat mengelak daripada mengulangi kesilapan masa lalu. Melalui pendidikan kewarganegaraan, dapat memberi asuhan kesedaran kewarganegaraan, sifat-sifat cintakan tanahair, serta keinginan mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara. Seterusnya, pendidikan sejarah mampu

menyumbang kepada pemerolehan ilmu pengetahuan dan perkembangan intelektual di kalangan pelajar. Sesuatu peristiwa dikaitkan dengan fakta, sebab-musabab, implikasi, proses dan pemikiran. Justru, kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dapat dipupuk. Akhir sekali, pendidikan sejarah juga mampu menanam dan menyuburkan nilai-nilai kemanusiaan kerana mempelajari sejarah bermakna belajar hal-hal manusia dan kemanusiaan.

1. Muhd. Yusuf Ibrahim et.al (1988). *Sejarawan dan Pensejarahan: Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: DBP KPM. hlm. 38.
2. Ibid., hlm. 48-50.
3. Robinson, C. A. ed. (1957). *Selection from Greek and Roman Historians*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.. hlm. ix-x.
4. Caldwell, W. E. (1965). *The Ancient World*. New York: Rinehart & Winston Press. hlm. ix.
5. Collingwood, R. G. (1966). *The Idea of History*. London: Oxford University Press. hlm. 7.
6. Suntharalingam, R. (1975). *Pengenalan kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Merican & Son Sdn. Bhd. hlm. 13.
7. Marwick, A. (1985). *The Nature of History*. London: Macmillan Pub. Ltd. hlm. 36.
8. Carr, E. H. (1988). *Apakah Sejarah?* Terjemahan oleh A. B. Rahman Hj. Ismail. Kuala Lumpur: DBP. hlm. 8.
9. Khoo Kay Kim (1979). *Panji-Panji Gemerlapan: Satu Perbincangan Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 2.
10. Roucek, J. G. ed. (1967). *The Teaching of History*. New York: Philosophical Library, Inc. hlm. 113.
11. Chaffer & Taylor (1975). *History and History Teacher*. London: George Allen & Unwin Ltd. hlm. 48.
12. Krug, M. (1967). *History and Social Science*. Waltham: Blaisdell Pub. Co. hlm. 9.

13. Gomez, S. (1967). Teaching history on the elementary school level. Dalam Rousek, J. S. ed. *The Teaching of History*. New York: Philosophical Library, Inc. hlm. 178.
14. Koller, M. R. (1967). American history on the high school level. Dalam Rousek, J. S. ed. *The Teaching of History*. New York: Philosophical Library, Inc. hlm. 154.
15. Belok, M. V. (1967). *Main Trends in History*. New York. Holmer & Meier Pub. Inc. hlm. 122.
16. Barracough, G. (1979). *Main Trends in History*. New York: HOlmer & Meier Pub. Inc. hlm. 122.
17. Ibid, hlm. 127.
18. Nina H. Lubis (2000). Sejarah sebagai alat pendidikan bangsa. *Pikiran Rakyat*. 12 Ogos. Bandung: PT Pikiran Rakyat. hlm. 6.
19. Ibid. hlm. 7
20. Mahmud Saedon Awang Othman (1995). *Melayu Islam Beraja dan Pendidikan Islam*. Kursus Untuk Pentadbir Sekolah. 2-5hb. Sept. 1995. Akademi Pengajian Brunei. hlm. 2.